



LATT Shariman Abdullah (tengah) bersama penduduk meninjau keadaan banjir kilat di Taman Desarena 2, Kuala Kedah, semalam.



JEFRI Osman menimba air yang masuk ke dalam rumahnya akibat banjir kilat di Taman Desarena 2, Kuala Kedah, semalam.

Akibat hujan berterusan, sistem saliran tidak sempurna

600 rumah dilanda banjir kilat

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusan kedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 7 Nov. - Hujan berterusan sejak lewat malam tadi sehingga pagi ini telah mengakibatkan kira-kira 600 buah rumah dinaiki air sedalam 0.5 meter dalam kejadian banjir kilat di tiga kawasan perumahan Kuala Kedah dekat sini.

Kawasan perumahan yang terlibat ialah Taman Desarena 2, Perumahan Awam Kuala Kedah dan Taman Seri Putra yang dinaiki air ekoran hujan antara pukul 11.30 malam dan 9.30 pagi itu.

Rata-rata penduduk yang ditemui mendakwa, banjir kilat dipercayai berpunca daripada sistem saliran yang tidak sempurna serta hujan yang berterusan.

Keadaan diburukkan lagi dengan



SUZANA SUDIN



SALMAH IBRAHIM

ketiadaan perparitan sempurna berikutan pembinaan dua buah taman perumahan baru di situ sejak tiga tahun lalu.

Seorang penduduk, **Suzana Sudin**, 40, berkata, dia sekeluarga sedang tidur ketika dikejutkan jeritan jiran mengatakan rumah mereka dinaiki air.

“Sejak tiga tahun lalu, kalau hu-

jan begini penduduk di sini memang tidak tidur nyenyak, kalau tidur nyenyak sudah tentu tidur dalam air.

“Masalah banjir kilat di taman perumahan ini semakin hari semakin buruk,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Desarena 2 dekat sini hari ini.

Seorang lagi penduduk, **Salmah Ibrahim**, 63, memberitahu, kejadian itu adalah yang kedua dalam tempoh kurang 24 jam.

“Awal pagi ini apabila hujan tidak berhenti, air mula naik setengah meter dan surut sedikit kira-kira pukul 3 pagi, namun kira-kira pukul 9.30 pagi hari ini apabila hujan lebat, air naik kembali,” katanya.

Katanya, banjir kilat sering melanda kawasan itu kira-kira tiga tahun lalu, malah bertambah buruk sejak awal tahun ini berikutan ker-

ja-kerja menambak tanah bagi kawasan perumahan baru iaitu Taman Desarena Indah.

“Pemaju tidak membina sistem saliran sempurna menyebabkan air dari kawasan perumahan itu melimpah ke Taman Desarena 2,” katanya.

Seorang lagi penduduk, **Jefri Osman**, 33, memberitahu, dia terpaksa membuat simen penghadang air di pintu bagi mengelak air memasuki rumah.

“Kaki set sofa terpaksa dilapik batu dan kerusi kayu dilapik bekas botol air mineral bagi mengelak ditenggelami air,” katanya.

Tinjauan di ketiga-tiga taman tersebut mendapati penduduk sibuk mengeluarkan air yang bertakung dalam rumah, manakala jalan di Taman Desarena 2 masih digenangi air sedalam 0.3 meter.

Dalam pada itu, masalah pen-

dukud terbabit mendapat perhatian daripada UMNO Bahagian Kuala Kedah yang bergegas ke lokasi untuk mengepam air yang bertakung di kawasan perumahan tersebut.

Ketua UMNO Bahagian Kuala Kedah, **Datuk Latt Shariman Abdullah** berkata, air tidak dapat mengalir dengan sempurna berikutan Sungai Tok Pasai yang tersumbat dipenuhi sampah dan gagal diselenggara dengan baik.

Beliau yang juga merupakan Pegawai Tugas-Tugas Khas Perdana Menteri berkata, sistem perparitan di tiga taman perumahan itu perlu dilebarkan dan didalamkan lagi bagi memastikan sistem aliran air yang lancar.

“Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) perlu serius dalam aspek ini bagi memastikan banjir kilat tidak berlarutan lebih-lebih lagi musim tengkujuh ketika ini,” katanya.